



#KitaSelangor



TAWARAN KITA SELANGOR

5 TEKAD UNTUK 5 TAHUN





TEKAD UNTUK 5 TAHUN KEGEMILANGAN SELANGOR




**Ekonomi Unggul dan Pendidikan
Berkualiti Pemangkin Peluang
Pekerjaan Berpendapatan Tinggi**



**Agama sebagai Cahaya
dan Inspirasi Kehidupan
Bermaruah di Selangor**



**Perkhidmatan
Kerajaan Yang
Cekap Dan Efisien**



**Pembangunan
Mampan, Selesa,
dan Berdaya Huni**



**Selangor Negeri Penyayang
yang Membela Kepentingan
Rakyat**

1 | Ekonomi Unggul dan Pendidikan Berkualiti Pemangkin Peluang Pekerjaan Berpendapatan Tinggi

Memfokuskan usaha pembangunan ekonomi kepada industri **pertanian moden, aeroangkasa, rel dan bas elektrik, perkhidmatan 5G, robotik dan automasi, kecerdasan buatan, tenaga boleh diperbaharu serta e-sports**




Menawarkan **100,000 peluang pekerjaan bergaji tinggi**

kepada anak-anak muda Selangor dengan menarik pelaburan tempatan dan luar negara



Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan **Pelabuhan Ketiga** di Pulau Carey, Pelabuhan Klang, agar Selangor menjadi destinasi utama pelaburan di Asia Tenggara



Mewujudkan **tiga perbandaran baharu** di **Sepang, Sabak Bernam**, dan sepanjang **jajaran Sungai Klang** diterajui oleh **PKNS, MBI**, dan sektor swasta dilengkapi dengan perumahan mampu milik untuk rakyat Selangor



Mewujudkan lebih **Taman Perindustrian Mampan** ke arah menjadikan Selangor negeri neutral-karbon dan meningkatkan komitmen kepada piawai ESG

Melengkapkan **keterhubungan 5G** supaya Selangor menjadi negeri 5G tercekap di Asia Tenggara



Mewujudkan **Jajaran Kita Selangor** yang menghubungkan perkhidmatan rel di Klang ke Kuala Selangor, Tanjung Karang, dan Sabak Bernam

Menghubungkan jajaran rel di **KLIA ke Tanjung Sepat dan Sungai Pelek** agar Wilayah Pantai Barat Selangor menjadi Koridor Perkhidmatan Rel

Menawarkan **latihan TVET bagi 10,000 orang muda** Selangor dengan kerjasama bersama syarikat teknologi tinggi seperti Apple, Siemens, Festo, dan Dassault Systemes



Meluaskan skop peserta Program **Tuisyen Rakyat Selangor percuma** kepada pelajar sekolah rendah dan menengah dengan sasaran 200 ribu peserta

Menawarkan **kelas pembelajaran bahasa percuma** seperti Bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, Tamil, Jepun, dan Korea

Bantuan **Mahasiswa Kita Selangor** berjumlah **RM1,500** kepada setiap mahasiswa



Menawarkan **peluang latihan industri (internship)** dengan bayaran **RM1,500** sebulan bagi **2,000 orang muda Selangor**



Merangsang kemahiran kreatif generasi muda dan belia dengan mewujudkan Geran Digital Kita Selangor mensasarkan **10,000 Duta Kreatif Kita Selangor** dengan peruntukan **RM5 juta**



2

Agama sebagai Cahaya dan Inspirasi Kehidupan Bermaruah di Selangor

Subsidi tambang dan kos mengerjakan haji berjumlah RM2,000 kepada 3,000 Jemaah Muassasah kali pertama untuk menyempurnakan perjalanan ke Baitullah

Mewujudkan **Biasiswa Al-Ghazali** bagi pelajar tafhib dan sekolah pondok dan sekolah agama rakyat supaya dapat melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah

Memudah cara **pendaftaran Sekolah-sekolah Menengah Agama Islam** supaya menjadi lebih selamat dan kondusif untuk pelajar



Mewujudkan peruntukan dan sumbangan khas **Sekolah Agama dan KAFA** supaya kualiti infrastruktur dapat dipertingkatkan



Menaikkan Elaun Imam, Bilal, Siak, Nazir secara berperingkat

- Elaun Imam akan dinaikkan ke RM 1,600
- Elaun Bilal akan dinaikkan ke RM 700
- Elaun Siak akan dinaikkan kepada RM 500
- Elaun Nazir akan dinaikkan kepada RM 500

Mewujudkan **sekretariat khas** bagi menyelia dan membantu usahawan IKS bagi **pendaftaran sijil Halal**



Meningkatkan **Dana Guaman Syariah** untuk membantu golongan Wanita yang memerlukan dengan dana tambahan **RM3 juta**



Meningkatkan peruntukan bagi komuniti **Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, dan Tao** agar tahap infrastruktur rumah ibadat dapat dipertingkatkan



Meluaskan **kelas-kelas dan syarahan pengajian Kitab Turath** di setiap daerah di Selangor




3 | Perkhidmatan Kerajaan Yang Cekap Dan Efisien

Mendigitalkan sepenuhnya perkhidmatan kerajaan untuk memudahkan urusan individu, syarikat dan agensi di Selangor



Mewujudkan pentadbiran **Greater Klang Valley** yang melibatkan **Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, dan Klang** sebagai model pentadbiran baharu yang mampan dan berteknologi tinggi




Membantu **setiap perniagaan** di Selangor untuk beralih sepenuhnya kepada **sistem digital**



Menghubungkan Pusat Kawalan Kerajaan Negeri dengan setiap PBT agar **meningkatkan perkhidmatan dan lebih responsif**



Penubuhan OSC (One Stop Center) Khas di setiap PBT bagi menyelesaikan isu-isu kritikal berkaitan perkhidmatan PBT dalam tempoh 24 jam



4 | Pembangunan Mampan, Selesa, dan Berdaya Huni

Menawarkan Kediaman Kita Selangor berjumlah **200,000 unit** lengkap dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air serta fasiliti selesa berharga RM250,000 ke bawah bagi warga Selangor serta pembentukan kewangan dengan institusi perbankan



Meningkatkan daya tahan **taman awam** sebagai **dwi-fungsi** supaya dapat mengurangkan kejadian banjir kilat

Mengusahakan **Liga e-Sports Kita Selangor**, mengiktiraf pemain e-sports sebagai atlet sukan, dan mengusahakan pengembangan industri e-sports sebagai peluang teknologi dan ekonomi baharu serta **membina Pusat E-Sukan Kita Selangor** di setiap daerah di Selangor



Mengurangkan kesesakan trafik di Selangor terutamanya di jalan negeri dan PBT melalui koordinasi dengan agensi Persekutuan serta menggunakan sistem pengurusan trafik yang diamalkan di Korea Selatan, Singapura dan lain-lain



Membina **sebuah Pusat Rekreasi Kita Selangor di setiap kawasan DUN** bagi tujuan riadah dan rekreasi



Memperuntukkan **RM100 juta untuk meningkatkan kualiti dan fasiliti jalan** di kawasan luar bandar



Meluaskan **penggunaan bas mini dan van** melalui Selangor Mobility ke setiap daerah bagi mengurangkan kebergantungan kepada kereta

Melengkapkan **panel solar di setiap bangunan Kerajaan Negeri dan PBT** dan memudahkan **pemasangan solar di kawasan perumahan** supaya menjimatkan dan mengurangkan kos tenaga



Mewujudkan 5,000 pusat pengecasan berkuasa tinggi untuk kendaraan elektrik di kawasan awam dan mengimplementasikan lorong hijau untuk menyelaraskan pemasangan stesen pengecasan di kawasan perumahan



Menawarkan sistem pengasingan sisa di kawasan perumahan dan meningkatkan sistem kitar semula

Selangor pusat pembangunan bakat sukan utama di Malaysia dengan memperkasa Akademi Merah Kuning bagi melahirkan bakat terbaik bidang bola sepak. Aspirasi Kita Selangor dengan sasaran 3 serangkaian iaitu pasukan Merah Kuning menjadi **Juara Piala Malaysia, SUKMA dan Liga Super menjelang tahun 2025** dan **Piala AFC pada tahun 2027**



Mewujudkan Perumahan Penjawat Awam Kita Selangor khusus buat para penjawat awam Selangor dengan **permulaan 10 ribu unit**

5 | Selangor Negeri Penyayang yang Membela Kepentingan Rakyat

Mengembangkan 46 program Iltizam Selangor Penyayang kepada sasaran 60 program dan meningkatkan usaha pemberdayaan rakyat



Mendaftar dan melatih pengasuh kanak-kanak dan menyediakan fasiliti penjagaan kanak-kanak di pejabat Kerajaan Negeri serta PBT dan menawarkan insentif penyediaan fasiliti penjagaan di tempat kerja sektor swasta



Mewujudkan Insentif Wanita Kita Selangor dengan jumlah **RM1,000 setahun kepada wanita bekerja** bagi mengurangkan kos pengasuhan kanak-kanak



Meluaskan **Program Saring Selangor** dan **Program Kesihatan Mental** secara percuma melalui aplikasi SeLANGKAH



Mewujudkan **Selangor yang lebih selamat untuk wanita dan kanak-kanak** dengan meningkatkan penggunaan teknologi CCTV di kawasan awam



Memberikan Insentif Pertanian Kita Selangor **RM1000 kepada petani dan pesawah** termasuk benih, baja dan racun serangga lebih berkualiti bagi meningkatkan hasil penuaan



Mengambil alih **pengurusan 1 pangaspuri kos rendah di setiap daerah** untuk memperbaiki kualiti dan fasiliti kemudahan awam



Menawarkan opsyen **penukaran cukai petak dan utiliti air daripada kadar komersial kepada kadar kediaman** bagi pemilikan rumah pertama



Pemberian **Baucar Buku Kita Selangor berjumlah RM200** kepada mahasiswa anak Selangor di IPT dan IPTA



Menyediakan perkhidmatan **Ambulans Selangor Penyayang percuma** di setiap PBT



Memperluaskan Program Roda Darul Ehsan (RIDE) kepada para **pemandu e-hailing**

Meningkatkan bayaran Khairat kematian **RM1,000** kepada semua






MALAYSIA
MADANI

#KitaSelangor

UNDI PERPADUAN DEMI KESTABILAN
DAN KEMAKMURAN SELANGOR



www.kitaselangor.com.my

